

03/10/1997

Saranan PM perkenal piawaian baru dianggap bernas

SARANAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya satu piawaian baru diperkenalkan dalam menentukan nilai mata wang sesebuah negara dianggap buah fikiran bernas ke arah memastikan kestabilan ekonomi sejagat.

Ini kerana, dengan menggunakan satu kelompok mata wang tertentu sebagai asas menentukan nilai mata wang sesebuah negara seperti yang dicadangkan oleh Perdana Menteri itu, kestabilan mata wang dapat diwujudkan.

Kalangan penganalisis dan pakar ekonomi berpendapat langkah sedemikian juga dapat mengelak mana-mana mata wang digugat secara sengaja oleh Amerika Syarikat berikutan kebanyakan negara menggunakan dolar sebagai perbandingan.

Bagaimanapun, kebanyakan mereka mengingatkan bahawa idea yang diketengahkan oleh Perdana Menteri itu, walaupun baik dan bernas, amat sukar dilaksanakan dalam konteks pergolakan ekonomi semasa.

Kelmarin, Dr Mahathir, ketika berucap di Mesyuarat Agung Antarabangsa Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik di Santiago, Chile mencadangkan supaya satu piawaian diperkenalkan bagi menentukan nilai mata wang dunia.

Menurutnya, langkah itu perlu berikutan piawaian semasa yang menjadikan dolar Amerika sebagai asasnya sudah tidak lagi sesuai kerana mata wang itu bersifat tidak stabil.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan satu kelompok mata wang tertentu digunakan sebagai asas dengan setiap daripadanya dinilai berdasarkan kepada petunjuk ekonomi tertentu.

Pakar ekonomi di sebuah firma penyelidikan asing di Kuala Lumpur, berkata Dr Mahathir mengutarakan saranan itu dalam konteks membuat revolusi total terhadap sistem urus niaga dan mekanisme penentuan yang sedia ada bagi mata wang.

"Seperti yang kita tahu, walaupun idea itu memang bernas, ia tidak dapat dilaksanakan tanpa komitmen daripada seluruh dunia. Ia juga sudah tentu ditentang oleh pihak berkepentingan," katanya.

Sementara itu, seorang penganalisis di firma broker saham tempatan berkata, apa yang perlu kini ialah untuk kita mencari penyesuaian kepada sistem yang sedia ada dan bukan mengubahnya.

"Bagi kita di Malaysia yang memahami pendirian Dr Mahathir, mungkin ia adalah sesuatu yang positif tetapi bagi Amerika Syarikat misalnya, ia dilihat sebagai sesuatu yang menentang mereka," katanya.

(END)